Sultan Sharafuddin berkenaan menyampaikan sumbangan Al-Quran Braille kepada warga OKU cacat penglihatan pada Majlis penyampaian sumbangan kepada Perpustakaan Raja Tun Uda, semalam.

Kerajaan negeri perlu teruskan

Tuanku titah bina fasa kedua perpustakaan

RUWAIDA MD ZAIN
FOTO : ZULFADHLI ZAKI

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah agar kerajaan negeri meneruskan pembinaan Perpustakaan Tun Raja Uda bagi fasa kedua serta menaik taraf perpustakaan lain yang berada di daerah lain negeri ini.

Dalam titahnya, baginda berkenan supaya landskap sedia ada di sekeliling perpustakaan itu dinaiktarafkan dan ditambah dengan pokok hijau supaya menjadikan kawasan tersebut indah yang mendatangkan suasana bersih dan menyihatkan.

"Beta ingin mengingatkan Kerajaan Negeri Selangor supaya pembinaan perpustakaan ini dalam fasa kedua dan seterusnya hendaklah dilakukan dan jangan dilupakan begitu sahaja, kerana banyak aktiviti-aktiviti lain dalam menimba ilmu boleh dijalankan di sini.

"Beta juga difahamkan pembinaan untuk meletak kenderaan juga perlu dibina dengan segera kerana keadaan yang sesak apabila pengunjung datang ke Perpustakaan Raja Tun Uda ini," titah baginda di Majlis Penyerahan Buku kepada Perpustakaan Raja Tun Uda di sini semalam.

Hadir mengiringi baginda, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah; Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi; Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa serta Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Tunku Syed Putra Jamalullail.

Di majlis tersebut, Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan penghargaan dan menyerahkan 2,780 buku daripada LZS bernilai RM202,000 serta al-Quran Braille kepada empat individu cacat penglihatan daripada Persatuan Braille Malaysia.

Selain LZS, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyumbang 50 Netbook untuk digunakan di bawah Program ICT bernilai RM55,000, manakala Worldwide Holdings Berhad pula menyumbang buku bernilai (RM50,000) dan Yayasan Al-Bukhary bernilai RM13,000.

Baginda turut berbangga kerana Universiti Putra Malaysia (UPM) menyumbang 120 buku hasil penyelidikan terbitan UPM dalam usaha berkongsi pengetahuan tentang kejayaan dalam penyelidikan mereka.

"Beta berharap universiti lain juga kan menyumbangkan buku penerbitan mereka supaya dapat dibaca oleh pengguna perpustakaan ini.

"Beta sendiri dari masa ke semasa menghantar buku-buku yang Beta beli, yang Beta percaya boleh memberi manfaat kepada pengguna dan pelajar," titah baginda.

Baginda juga melahirkan sukacita apabila perpustakaan itu melanjutkan operasinya sehingga jam 9 malam pada Sabtu dan Ahad untuk memberi peluang kepada pengguna terutama pelajar mengulang kaji, rujukan dan lain-lain.

"Beta difahamkan pelanjutan masa ini disambut baik dan banyak digunakan oleh pelajar-pelajar," titah baginda yang mencadangkan lanjutan masa itu.

Sementara itu, LZS memaklumkan sejumlah 2,780 naskhah itu menggunakan peruntukan fisabilillah dan terdiri daripada pelbagai topik merangkumi agama Islam, kesenian, fiksyen dan sebagainya akan menjadi rujukan kepada pengunjung di perpustakaan berkenaan.